

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kerjaya ketenteraan adalah merupakan salah satu profesion yang tertua wujud di dunia ini. Pasukan tentera sering dikaitkan dengan satu organisasi yang berdisiplin, lasak dan patuh kepada perintah. Persepsi baik masyarakat umum terhadap kerjaya ini disokong daripada keseragaman pasukan tentera itu sendiri melalui cara berpakaian, perbarisan dan corak latihan yang keras. Nilai-nilai umum ketenteraan seperti semangat kesetiakawanan, kerjasama, tatatertib yang tinggi, terlatih dan cekap dalam melaksanakan tugas walau dalam apa juga situasi, menyokong lagi pandangan baik terhadap kerjaya ketenteraan. Sebagai salah satu benteng utama kepada pertahanan negara, Tentera Darat Malaysia mampu membina keyakinan kepada rakyat terhadap keupayaannya dalam mempertahankan kedaulatan tanah air. Menurut Ibrahim (1994) Rakyat Malaysia pada dasarnya menilai dan meletakkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya dan Tentera Darat Malaysia (TDM) khasnya di tahap yang tinggi dan mereka menaruh keyakinan terhadap peranan yang dilaksanakan dengan baik sebagaimana yang telah diamanahkan.

Namun begitu akhir-akhir ini, imej baik yang telah dipaparkan ini telah mula tercalar sedikit demi sedikit disebabkan berlakunya pelanggaran disiplin oleh anggota tentera terutamanya di dalam penyalahgunaan dadah. Bermula dengan tiada kes yang dikesan sebelum tahun 1974, ianya telah meningkat kepada 1,520

anggota mulai tahun 1990 hingga tahun 1997 (Cawangan Provos Marsyal Tentera Darat Malaysia, Taklimat Anti Dadah, 1998). Statistik penyalahgunaan dadah ini didapati terus meningkat pada tahun 1998 sehingga tahun 2000 kepada 2,179 kes melalui taklimat Ketua Anti Narkotik Cawangan Provos Marsyal ATM pada 14 Disember 2000. Berdasarkan Buletin Bulanan Cawangan Provos Marsyal ATM (2001) untuk sehingga bulan Januari 2002 jumlah ini telah bertambah sebanyak 299 kes dan menjadikan jumlah kes sebanyak 2,478 kes.

Walaupun pelbagai usaha dilihat telah dilaksanakan untuk membendung masalah ini dari terus merebak, namun ia seolah-olah tidak memberi sebarang kesan. Sebagai pasukan keselamatan yang diamanah untuk mempertahankan negara, Tentera Darat Malaysia tidak sanggup melihat angkatannya mati sebelum bertempur dengan pihak musuh akibat gejala dadah ini (Koontz, Harold, Wehrich, dan Heinz 1997). Perkara tidak akan menjadi mustahil berlaku sekiranya pihak Pemerintah Tertinggi Tentera Darat Malaysia tidak melakukan usaha-usaha bagi mencari sebenar anti virus yang lebih berkesan bagi membendung masalah dadah ini dari terus meresap ke pelusuk peringkat Tentera Darat Malaysia. Justeru itu, bagi membantu Pemerintah Tertinggi Tentera Darat Malaysia menangani fenomena ini, satu kajian haruslah dilaksanakan bagi melihat gambaran sebenar masalah penyalahgunaan dadah di dalam Tentera Darat Malaysia seterusnya ianya diharap boleh membantu pihak-pihak tertentu dalam Tentera Darat Malaysia untuk mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan bagi membenteras penyalahgunaan dadah.

1.2 SEJARAH PENGGUNAAN DADAH DI MALAYSIA

Umumnya gejala dadah di Malaysia bukanlah sesuatu fenomena yang asing dan baru. Malah ianya telah lama wujud dan ada kaitannya dengan sejarah pembangunan ekonomi negara suatu ketika dahulu. Menurut Pasukan Petugas Anti Dadah (1992) pada awal abad kesembilan belas, ladang lada hitam, getah dan lombong-lombong bijih mulai diusahakan. Kebanyakan pekerja-pekerja dan buruh-buruh telah dibawa masuk dari negara Cina dan Selatan India untuk melakukan kerja-kerja melombong dan bekerja di ladang-ladang tersebut. Buruh Cina khususnya telah membawa masuk tabiat menghisap candu ke negara ini dan tabiat ini terus dikekalkan memandangkan candu mudah diperolehi kerana dipercayai dapat menghilangkan rasa sakit dan untuk mengisi masa lapang (Pasukan Petugas Anti Dadah, 1992).

Selain daripada orang Cina yang membawa candu, ganja pula telah dibawa masuk oleh kaum pendatang dari India Selatan yang bekerja di ladang-ladang getah. Ganja juga telah digunakan oleh orang Melayu khususnya bagi tujuan perubatan seperti mengubati penyakit lelah. Ianya juga turut digunakan oleh kaum nelayan dan juga kaum petani yang banyak melakukan kerja-kerja berat (Pasukan Petugas Anti Dadah, 1992).

Penagihan candu mula menjadi satu masalah di penghujung abad kesembilan belas dan ini menyebabkan kerajaan British telah mengambil langkah-langkah

mengawal penjualan dan pengedaran candu. Dalam tahun 1910, kerajaan British telah mengambil alih kerja-kerja mengimpor dan penjualan candu melalui kedai-kedai candu kerajaan (Pasukan Petugas Anti Dadah, 1992). Penjualan dan penghisapan candu dibenarkan, sementara cukai akan dikenakan ke atas penagih dan kedai-kedai tersebut (Taib, 1998).

Dalam tahun 1925, sejajar dengan 'Konvenyen Geneva Mengenai Candu, beberapa tindakan telah diambil bagi mengatasi masalah ini di mana candu hanya boleh dijual kepada mereka yang terlibat sebagai penghisap berdaftar sahaja. Pada tahun 1934, selaras dengan perakuan Suruhanjaya Penyiasat Liga Bangsa-Bangsa Bersatu telah memberi garis panduan bahawa candu hanya boleh dijual kepada mereka yang diperakukan sebagai pengamal-pengamal perubatan sahaja. Namun, penghisapan candu ini telah diharamkan sama sekali setelah tamatnya Perang Dunia kedua pada tahun 1945 (Pasukan Petugas Anti Dadah, 1992).

Keadaan penggunaan dadah di negara ini mula berubah pada akhir tahun 1960 an apabila mendapati penagih-penagih dadah bukan lagi terdiri daripada orang tua, malah termasuk golongan belia. Begitu juga dengan dadah yang digunakan, ia tidak lagi tertumpu kepada candu sahaja, tetapi sudah beralih kepada morfin, heroin dan dadah jenis lain yang lebih berbahaya. Di samping itu corak kehidupan dan budaya 'Hippies' yang melanda seluruh dunia pada akhir tahun 60 an telah meninggalkan kesan-kesan negatif ke atas corak kehidupan sebahagian golongan muda (Pasukan Petugas Anti Dadah, (1992). Menurut Majid

dan Rosmin (1989) mereka terpengaruh dengan tabiat penggunaan dadah yang diamalkan oleh golongan 'Hippies', Pada tahun 70 an, keadaan menjadi lebih parah apabila kedatangan askar-askar marin Amerika dari Vietnam yang melancong ke negara ini telah membawa bersama mereka dadah dari jenis morfin dan heroin dan secara langsung telah menyebabkan ramai kaum belia terpengaruh dengan dadah terutama di Pulau Pinang (Taib,1998).

1.3 MASALAH PENYALAHGUNAAN DADAH DI MALAYSIA

Sehingga akhir tahun 2008 seramai 223,123 penagih telah dikesan dan daripada jumlah ini dianggarkan seramai 40,000 orang merupakan penagih tegar. Manakala daripada Jan hingga Dis tahun 2008 seramai 31,556 penagih dikesan. Daripada jumlah ini lebih kurang setengah (50.2%) merupakan penagih yang baru dikesan manakala yang selebihnya merupakan penagih ulang (49.8%). Hampir setengah (41.8%) penagih yang dikesan menggunakan heroin, 27.3% morfin, 19.8% ganja dan 6.7% methamphetamine (Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan, 2008).


1.4 MASALAH PENYALAHGUNAAN DADAH DI DALAM TENTERA DARAT MALAYSIA

Menurut kajian Wahab (2004) kes dadah merupakan jumlah kes yang terbesar. Ianya meliputi mengedar, penagih atau memiliki. Sebanyak 2538 kes dicatatkan sepanjang tahun 1994 sehingga 2003 seperti di gambarajah 1.1

**Jadual 1.1 : Statistik Jenayah Dadah Mengikut Kategori Kesalahan
Mulai Tahun 1994 Hingga 2003**

Bil	Jenis Kesalahan	Tahun										Jum
		1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	
1.	Mengedar	1	2	5	4	3	5	7	5	3	2	37
2.	Memiliki	150	64	76	113	131	52	40	37	40	30	733
3.	Menyalahguna	71	126	133	152	137	180	134	400	284	151	1768
Jumlah		222	192	214	269	271	237	181	442	327	183	2538

Sumber : Cawangan Probos Masyal ATM




Sumber: Cawangan Probos Marsyal ATM

Wahab (2004) melalui kajiannya memaklumkan purata kesalahan melibatkan dadah setiap tahun adalah sebanyak 212 kes. Jumlah kes agak stabil pada tahun 1994 hingga 1996. Mulai tahun 1997 dan 1998 berlaku peningkatan purata sebanyak 26 %. Peningkatan ini adalah disebabkan kerana kejayaan mengesan anggota melalui saringan-saringan terhadap anggota di semua pasukan. Pada tahun 1999 dan 2000 jumlah kes menurun sebanyak 34 kes dan 56 kes. Namun demikian jumlah ini meningkat kembali dengan drastik pada tahun 2001 dan 2002 sebanyak 188 kes dan 28 kes serta menurun kembali pada tahun 2003 sebanyak

144 kes. Sebab utama peningkatan kes pada tahun 2001 adalah hasil usaha pembanterasannya penyalahgunaan dadah oleh Angkatan Tentera Malaysia seiring dengan kempen peringkat kebangsaan.

Gambarajah 1.1 Pecahan Jenis Dadah Mulai Tahun 1994 Hingga 2003



Sumber: Cawangan Probos Marsyal ATM

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan umum ialah untuk melihat fenomena penyalahgunaan dadah dan hubungannya dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh anggota Tentera Darat Malaysia terutamanya yang berkhidmat di kawasan bandar. Sebagai contoh anggota yang sedang berkhidmat di Kuala Lumpur dan Selangor. Secara khususnya objektif kajian adalah untuk:

- 1.5.1 Mengenal pasti perkaitan di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor kewangan.

1.5.2 Mengenal pasti perkaitan di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor tekanan kerja.

1.5.3 Mengenal pasti perkaitan di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor keadaan sekeliling.

1.5.4 Mengenal pasti perkaitan di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor keluarga.

1.6 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan di bawah.

1.6.1 Adakah terdapat pertalian di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor kewangan?

1.6.2 Adakah terdapat pertalian di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor tekanan kerja?

1.6.3 Adakah terdapat pertalian di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor keadaan sekeliling?

1.6.4 Adakah terdapat pertalian di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor keluarga?

1.7 HIPOTESIS KAJIAN

- 1.7.1 **H₁** - Terdapat perkaitan di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor kewangan.
- 1.7.2 **H₂** - Terdapat perkaitan di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor tekanan kerja.
- 1.7.3 **H₃** - Terdapat perkaitan di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor keadaan sekeliling.
- 1.7.4 **H₄** - Terdapat perkaitan di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor keluarga.

1.8 PEMASALAHAN KAJIAN

Kini masalah penagihan dadah di kalangan anggota Tentera Darat Malaysia telah meruncing semula. Melalui pengumpulan data yang dilakukan oleh Cawangan Siasatan Jenayah dari tahun 2006 hingga tahun 2008, statistik menunjukkan keseluruhan anggota yang terlibat dengan pelbagai kesalahan dadah sebanyak 780 kes (Cawangan Siasatan Jenayah, Taklimat Ketua Anti Narkotik pada 14 Disember 2008). Pada tahun 2006 jumlah kes adalah sebanyak 226 kes. Manakala untuk tahun 2007 sebanyak kes 261 kes dan tahun 2008 bertambah

sebanyak 32 kes menjadikan 293 kes Buletin Cawangan Jenayah (2009). Ini dengan jelas mempamerkan peningkatan penyalahgunaan dadah pada setiap tahun sebanyak 30 kes.

Berdasarkan kajian Wahab (2004) kajian yang telah dibuat lebih menjurus kepada isu-isu pelanggaran disiplin secara keseluruhan, namun tidak menyentuh secara khusus kajian kepada masalah penyalahgunaan dadah. Selain daripada itu juga tiada kajian yang dijalankan bagi melihat faktor-faktor latar belakang anggota-anggota tentera yang baru berkhidmat samada mereka benar-benar tidak pernah terlibat dengan pengambilan dadah sebelum memulakan perkhidmatan ataupun samada disebabkan oleh faktor-faktor lain setelah mereka memulakan perkhidmatan mereka di pasukan baru masing-masing.

Berdasarkan kajian-kajian epidemiologi yang dibuat oleh Pusat Penyelidikan Dadah, USM juga menunjukkan bahawa 30% penagih dadah telah mula menggunakan dadah sebelum berumur 19 tahun (Spencer dan Navaratnam, 1981). Ini menunjukkan potensi golongan golongan soldadu muda melibatkan diri dengan dadah sebelum atau semasa memasuki Pusat Latihan adalah amat tinggi. Kajian yang dibuat oleh Newcomb dan Bentler dalam Stein, (1987), mendapati penggunaan dadah di zaman remaja akhir menyumbang 60% varians kepada penggunaan dadah pada zaman dewasa awal.

Menurut Segal, Huba dan Singer (1980) antara motif penggunaan dadah seperti stimulan, depresan, halusenogen dan narkotik di kalangan remaja dan dewasa muda ialah untuk mengubah keadaan sedar penggunaannya bagi menghasilkan rasa seronok dan riang gembira serta mengurangkan rasa sakit, bimbang dan sedih. Oleh demikian, seseorang individu yang melibatkan diri dalam penagihan dadah adalah untuk mengurangkan tekanan yang dirasainya demi melupakan segala masalah yang dihadapi.

Justeru itu, berdasarkan semua hujah dan persepsi yang dinyatakan, pengkaji amat berminat untuk memulakan kajian bagi melihat fenomena sebenar penyalahgunaan dadah ini di kalangan anggota tentera di kawasan bandar dan hubungannya dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

1.9 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini amat penting kepada Tentera Darat Malaysia yang lebih terarah untuk melihat trend terkini penggunaan dadah di kalangan anggota tentera yang mana pada lazimnya berubah-ubah dengan mengikut keadaan semasa. Ianya juga akan mengenal pasti punca pengambilan dadah oleh anggota Tentera Darat Malaysia yang mungkin wujud dengan rela hati atau kehendak semula jadi, ataupun berkemungkinan ada faktor lain yang mendorong pengambilan dadah tersebut seperti masalah-masalah yang dihadapi oleh anggota tentera itu sendiri (Veysey, B. M. and Messner, S.F, 1999).

Kajian ini juga diharap akan mendapatkan gambaran yang jelas terhadap kadar permasalahan penyalahgunaan dadah yang dihadapi oleh pihak Tentera Darat Malaysia. Di samping mencari punca-punca serta mengenalpasti sebab-sebab anggota tentera terlibat dengan penagihan dadah, kajian akan berusaha untuk mencadangkan langkah-langkah yang wajar dilakukan bagi membentaras penyalahgunaan dadah di dalam Tentera Darat Malaysia. Penyelidikan ini juga dilakukan berdasarkan kepada beberapa kepentingan berikut :

1.9.1 Jumlah anggota tentera yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Cawangan Provos Marsyal, ATM untuk tahun 2006 sahaja menunjukkan kes penyalahgunaan dadah merupakan antara kes yang tertinggi yang dilakukan oleh anggota tentera iaitu berjumlah 226 kes, berbanding kes jenayah, kes melibatkan moral dan agama.

1.9.2 Bagi meningkatkan pelaksanaan dan aktiviti serta langkah-langkah pencegahan yang lebih berkesan di dalam usaha untuk memerangi najis dadah ini dari terus berleluasa di dalam Tentera Darat Malaysia.

1.10 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Kajian melalui NADI, Agensi Dadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri pada Mei 2000 mendapati 98.50% daripada 35,359 penagih terdiri daripada kaum lelaki. Golongan muda yang berumur 20 hingga 29 tahun merupakan kumpulan yang

paling ramai terlibat iaitu 44.36%. Kajian ini juga mendapati penyebab utama seseorang itu menjadi penagih adalah pengaruh kawan-kawan iaitu 48.61%.

Kajian epidemiologi penggunaan dadah di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah di Pulau Pinang dan Selangor pada tahun 1980 yang dijalankan oleh Pusat Pendidikan Dadah, USM Spencer dan Navaratnam, (1981) mendapati bahawa 11.5% daripada 16,166 pelajar didapati terlibat dengan dadah. Jenis-jenis dadah yang digunakan ialah tranquilizers, amfetamin, ganja, heroin, mofin/candu dan Lysergic Acid Diethylamide (LSD).

Kajian mengenai penggunaan dadah di kalangan pelajar-pelajar universiti telah dijalankan oleh Kasim (1977) di kalangan 100 penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1976 hingga 1977 mendapati seramai 100 orang pelajar telah menggunakan dadah haram. Dari jumlah itu, 78.7% pelajar pernah menggunakan ganja, 80% heroin dan 39.5% morfin. Manakala penggunaan semasa menunjukkan 43.3% pelajar kerap menghisap ganja dan 72.2% heroin. Hasil kajian juga mendapati hampir semua 96.5% pelajar yang menggunakan dadah haram telah menghisap rokok dan meminum minuman yang beralkohol. Antara sebab-sebab utama penggunaan dadah haram di kalangan pelajar-pelajar ialah rasa ingin tahu, tekanan psikologi, tekanan sosial dan masalah akademik (Lettieri, Sayers, Pearson, 1980).

Kajian Cawangan Provos Mashal, Angkatan Tentera Malaysia (CPM ATM) pada tahun 1999 yang dijalankan ke atas anggota tentera di seluruh negara bertujuan untuk menentukan prevalens dan pola-pola penggunaan dadah. Hasil kajian ini menunjukkan perbandingan bilangan anggota tentera yang terlibat dengan kes penyalahgunaan dadah mengikut Kor dan Perkhidmatan dari tahun 1998 hingga tahun 2000, di mana seramai 454 anggota Tentera Darat, 146 anggota Tentera Laut dan 59 anggota Tentera Udara didapati terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Dari segi jenis dadah yang digunakan bagi tahun seramai 454 anggota terlibat dengan dadah, didapati 335 anggota mengambil ganja, 97 anggota mengambil heroin sementara 22 anggota mengambil morfin.

1.11 RUMUSAN KAJIAN LEPAS

Kajian-kajian yang dilaksanakan di Malaysia mengenai penggunaan dadah hanya tertumpu kepada penuntut-penuntut sekolah menengah dan pelajar-pelajar universiti yang telah dikesan sebagai penagih dadah opiat. Hasil kajian juga menunjukkan jenis-jenis dadah yang paling popular digunakan ialah arak, rokok, transquleizer, ganja, heroin dan morfin. Ini berbeza dengan penemuan dari kajian yang dilakukan iaitu di kalangan anggota tentera menunjukkan ramai yang terlibat dengan dadah jenis heroin dan ganja. Dari kajian-kajian lepas, beberapa *trend* penggunaan dadah telah dikenalpasti iaitu melibatkan masalah-masalah tekanan sosial, tekanan kerja, pengaruh kawan dan serta perasaan ingin tahu menegani menjadi punca utama pengambilan dadah tersebut (Choo, Maznah, V. Navaratnam dan Hoo, 1986)

Masalah-masalah yang mengganggu pekerja-pekerja ini dapat dikategorikan kepada 11 pemasalah yang dinyatakan dalam alat ukur Mooney Problem Check List (MPCL) yang direka oleh Mooney pada tahun 1942 dan diuji kembali pada tahun 1950. Kategori-kategori masalah ini terdiri daripada kesihatan, kewangan, rekreasi, sosial, peribadi, seks, keluarga, akhlak, pengajian, keluarga, dan pengajaran.

Apabila kita membincangkan tentang masalah yang dihadapi oleh pekerja, pembolehubah seperti masalah penyesuaian, kewangan, perhubungan sosial, akademik, keluarga dan sebagainya akan saling berkaitan dengan kehidupan pekerja. Keadaan ini memberi kesan berpanjangan jika tidak diatasi dengan bijak.

Hasil kajian Lai (1996) ke atas pelajar-pelajar Lanjutan Pengajian Pendidikan, Univertsiti Teknologi Malaysia, mendapati kategori masalah yang banyak mengganggu pelajar-pelajar hingga menjejaskan kemerosotan disiplin adalah masalah kewangan dan masalah sosial.

1.12 STRUKTUR KAJIAN

Struktur kajian ini dibahagikan kepada lima bab seperti berikut:

1.12.1 Bab I - Dalam bab ini pengkaji akan menyentuh persoalan kajian yang menjurus kepada kenapa kajian ini dibuat oleh pengkaji.

1. 12.2 Bab II - Pengkaji akan menerangkan tentang kajian lepas, arahan serta model kajian serta kajian yang berkaitan dengan model tersebut.

1. 12.3 Bab III - Bab ini akan menerangkan tentang kaedah kajian dan jenis kajian yang akan dilaksanakan dalam menjawab semua hipotesis kajian.

1. 12.4 Bab IV - Pengkaji akan menerangkan hasil dan dapatan kajian.

1. 12.5 Bab V - Dalam bab ini pengkaji akan menerangkan rumusan kajian dan mencadangkan langkah terbaik bagi mengatasi masalah sedia ada.

1.13 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab ini memberikan satu gambaran am serta skop yang menerangkan kepentingan kajian, proses kajian kajian serta hala tuju topik kajian. Selain daripada itu, bab ini juga berjaya menerangkan kepentingan kajian yang mana perlu dilaksanakan di dalam organisasi Tentera Darat Malaysia serta objektif kajian yang hendak dicapai. Adalah diharapkan hasil kajian ini akan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai punca utama yang membawa kepada perlakuan pelanggaran dan kemerosotan disiplin. Setelah daripada perkara ini dikenalpasti, pengkaji akan berusaha untuk memberikan cadangan mengenai tindakan-tindakan yang ideal bagi membentaras dan seterusnya mengurangkan jumlah anggota TDM yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah.